


# PRU Wealth Enrich

Membina *legasi kasih sayang*

Untuk perlindungan maksimum dan kekayaan lebih besar



Mendengar. Memahami. Melaksana.



PERLINDUNGAN PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

Kami memahami keinginan anda untuk memberikan yang terbaik kepada orang kesayangan anda, bagi impian serta masa depan anda. Oleh itu, binalah masa depan yang kukuh dari usia muda dengan PRUWealth Enrich, pelan legasi terbaharu kami yang akan membantu anda memaksimumkan perlindungan untuk orang kesayangan anda, membina kekayaan yang lebih besar dan menjamin legasi yang melampaui hayat anda. Ia juga memberi anda kuasa untuk melindungi keselamatan keluarga dan aset anda, walaupun berlaku kejadian luar jangkaan.

## Untuk pelbagai Fasa Kehidupan anda

### Penyelesaian yang disesuaikan mengikut keperluan anda

Laluan manakah yang akan anda pilih untuk membentuk legasi anda? Dalam mana-mana keadaan yang akan berlaku, PRUWealth Enrich akan membantu anda untuk melindungi, memelihara dan membina legasi anda dari sekarang, masa depan dan seterusnya.



### Mengejar impian anda?

Merancang untuk memiliki rumah atau hartanah anda sendiri, ataupun memulakan perniagaan anda sendiri? Ketika anda menerokai perjalanan untuk mencapai kejayaan hidup ini, ia adalah penting untuk memastikan impian anda terjamin.

PRUWealth Enrich menyediakan perlindungan-perindungan yang penting dan menyokong keperluan anda untuk merealisasikan aspirasi anda suatu kenyataan.

### Bersedia untuk berumah tangga?

Apabila anda memulakan perjalanan hidup yang menguja ini, ia telah menjadi keutamaan anda untuk memastikan bahawa orang kesayangan anda mempunyai sumber yang mencukupi untuk mengekalkan kualiti hidup mereka, mengejar impian mereka dan menghadapi cabaran yang tidak dijangka.

Dengan PRUWealth Enrich, orang kesayangan anda akan mendapat penjagaan yang baik, walaupun anda tidak lagi berada di sisi mereka.



### Merancang untuk membina legasi?

Anda telah menghabiskan beberapa dekad untuk membina kekayaan anda. Dengan perancangan yang teliti, anda boleh memastikan bahawa hasil titik peluh anda akan menjadi legasi dan mampu menjamin sokongan bagi orang kesayangan dan generasi akan datang.

Sekiranya berlaku kejadian luar jangkaan, PRUWealth Enrich menawarkan jaminan bahawa harta pusaka anda akan dipindahkan kepada orang kesayangan anda mengikut kehendak anda.



## Bagaimana PRUWealth Enrich dapat membantu anda Mencapai Matlamat anda?



### Perlindungan Tinggi dengan Nilai Hebat

Mulakan perlindungan diri dan orang kesayangan anda daripada Jumlah Diinsuranskan Asas (BSA) **RM300,000** terhadap kematian atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)<sup>1</sup>.



### Peningkatan Perlindungan Tambahan sehingga 50%

Nikmati *Cover Booster*, iaitu peningkatan perlindungan tambahan sehingga 50%<sup>2</sup> daripada BSA terhadap kematian atau TPD<sup>1</sup>.



### Perlindungan sehingga 500% untuk Kematian Akibat Kemalangan

Sebagai tambahan kepada perlindungan kematian, kami juga menawarkan tambahan BSA sehingga **500%** sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan<sup>1</sup> yang disebabkan oleh kemalangan, pengangkutan awam, kejadian di luar negara atau bencana alam.



### Pelbagai Ganjaran Kesetiaan Sepanjang Perjalanan Anda

Nikmati *Loyalty Bonus* dan *Loyalty Booster* semasa anda membina kekayaan dan legasi anda. Sementara itu, dapatkan ganjaran yang lebih tinggi sehingga jumlah 30% daripada BSA dengan memilih perlindungan yang lebih tinggi dan tempoh polisi yang lebih panjang.



### Diskaun Caj Insurans sehingga 20% apabila anda memilih Perlindungan yang Lebih Tinggi

Dengan memilih perlindungan yang lebih tinggi, anda bukan sahaja memastikan perlindungan yang tinggi tetapi juga dapat menikmati nilai yang lebih baik dengan diskaun caj insurans sehingga 20%<sup>3</sup>.



### Kebebasan untuk Membayar pada Kadar yang bersesuaian dengan anda

Memilih untuk membuat bayaran dalam tempoh **5<sup>4</sup>, 10 atau 20** tahun, atau membayar sepanjang tempoh polisi.

<sup>1</sup>Sebelum Ulang Tahun Polisi berumur 70 tahun atau tamat tempoh polisi, yang mana lebih awal.

<sup>2</sup>Perlindungan tambahan adalah sehingga 30% untuk BSA RM2 juta ke bawah; dan sehingga 50% untuk BSA sebanyak RM2 juta dan ke atas.

<sup>3</sup>Diskaun caj insurans adalah 10% untuk BSA antara RM500,000 hingga RM800,000 ke bawah; dan 20% untuk BSA RM800,000 dan ke atas.

<sup>4</sup>Untuk BSA RM500,000 dan ke atas sahaja.

Jumlah manfaat yang layak dibayar bagi *Cover Booster*, *Loyalty Bonus* dan *Loyalty Booster* adalah berbeza mengikut jumlah diinsuranskan terkini.

## Nota Penting dan Penafian:

- **PRU**Wealth Enrich adalah pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad (“PAMB”) 198301012262 (107655-U), yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini (termasuk rider) menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kewangan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRU**Wealth Enrich, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
- Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik anda nilai unit (pada harga unit tarikh penilaian berikutnya) tambah dengan premium yang tidak diperuntukkan, caj (seperti caj insurans, caj perkhidmatan, caj pemprosesan dan caj-caj lain, mana yang berkenaan) dan cukai (jika ada) yang telah kami tolak, tolak perbelanjaan perubatan (jika ada) yang kami mungkin telah bayar.
- Anda boleh memohon untuk membatalkan Perlanjutan Tempoh Perlindungan selepas polisi anda dikeluarkan, ini akan menyebabkan perlindungan anda berakhir pada tempoh polisi asal. Sebarang permintaan berikutnya untuk memohon semula Perlanjutan Tempoh Perlindungan adalah tertakluk kepada pengunderaitan.
- **PRU**Wealth Enrich dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
- Anda boleh menyerahkan polisi anda pada bila-bila masa. Walau bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin memperoleh amaun yang kurang daripada premium yang telah anda bayar. Pada penyerahan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat di bawah polisi ini akan ditamatkan.
- Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
- Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan diguna pakai.

**SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA PRODUK INI ADALAH PRODUK INSURANS YANG DIKAITKAN DENGAN PRESTASI ASET PENDASAR, DAN BUKANNYA PRODUK PELABURAN TULEN SEPERTI UNIT AMANAH.**